

19/01/2003

Umno susun pendekatan baru pujuk rakyat Kelantan pilih BN

KOTA BHARU: Umno Kelantan akan menyusun pendekatan baru bagi memujuk rakyat Kelantan memilih Barisan Nasional pada pilihan raya akan datang.

Ketua Penerangan Umno Kelantan yang baru, Mohd Alwi Che Ahmad berkata, pihaknya akan mengambil kesempatan menerusi jawatankuasa penerangan agar menepati sasaran dan kehendak rakyat semua peringkat terutama di akar umbi dan golongan 'atas pagar'.

Katanya, rakyat di akar umbi dan golongan atas pagar perlu diberi perhatian kerana mereka golongan terbesar menjadi penentu perubahan senario politik Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya akan berusaha melakukan yang terbaik dan percaya rakyat sebenarnya mahu melihat Umno dan BN kembali berkuasa di negeri ini.

"Untuk itu, beberapa perkara baru akan dilaksanakan bagi menyusun strategi penerangan Umno Kelantan, termasuk membentuk jawatankuasa pemikir yang disertai pelbagai pihak.

"Apa yang penting, kita mahu mencari formula terbaik untuk memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat yang begitu lama dicengkam Pas dan penuh tipu helah dengan memperalatkan agama untuk kepentingan politiknya," katanya kepada Berita Minggu, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas langkah akan diambil dan strategi meningkatkan gerakan penerangan Umno Kelantan.

Khamis lalu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan melantik beberapa muka baru, termasuk jawatan timbalan pengerusi yang kini disandang Zaid Ibrahim menggantikan Datuk Annuar Musa dan mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Pengerusi Perhubungan.

Rombakan ini dilihat sebagai strategi untuk menawan semula Kelantan di samping menonjolkan muka baru yang berpotensi untuk menggerakkan Umno Kelantan seiring kehendak rakyat.

Menerusi rombakan itu, Mohd Alwi yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno negeri, menggantikan Datuk Ismail Mamat.

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Husin dilantik bendahari menggantikan Datuk Dr Nik Hussin Abdul Rahman manakala Timbalan Ketua Umno bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusoh sebagai setiausaha menggantikan Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob.

Mengenai pelantikannya sebagai Ketua Penerangan, beliau menyifatkan ia tanggungjawab besar menerajui Jawatankuasa Penerangan Umno Perhubungan, khususnya untuk memberi penerangan agar rakyat lebih sayang kepada Umno.

Katanya, pelantikan itu juga sebagai kepercayaan Dr Mahathir dan Mustapa kepada beliau menerajui Jawatankuasa Penerangan Umno negeri yang perlu dilaksanakan dengan baik.

"Saya berterima kasih kepada presiden parti (Dr Mahathir) dan Datuk Mustapa di atas pelantikan ini (sebagai Ketua Penerangan) yang dianggap mencabar dalam senario politik di negeri ini.

"Namun, saya berharap semua pihak memberi kerjasama untuk menjayakan visi Umno dengan matlamat gerakan menawan semula Kelantan daripada Pas.

"Tanpa kerjasama yang baik, pastinya segala gerak kerja parti di semua peringkat menjadi sia-sia dan rakyat yang menaruh harapan kepada Umno, sekali lagi akan berasa kecewa," katanya.